



BORANG INVENTORI PROJEK PELAJAR

PERKARA	MAKLUMAT INFORMATION
Program <i>Program</i>	DAT
Jabatan <i>Department</i>	PERDAGANGAN
Semester/ Tahun <i>Semester/ Year</i>	LIMA
Tajuk Projek <i>Project Title</i>	TAHAP KOMITMEN KERJA BERPASUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA
Jenis Projek <i>Type of Project</i>	PENYELIDIKAN
Kategori Kluster Penyelidikan <i>Category/ research Cluster</i>	SAINS SOSIAL
Ahli Kumpulan <i>Group member</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. NURUL ZARIFAH BT MOHAMED 990225-01-6544 2. NURFAZLIN BT SAMAT 980119-01-5848 3. TOH JIE HONG 990217-01-5381 4. 5.
Penyelia <i>Supervisor</i>	PUAN SABRINA BT ISNIN 800913-01-6302
Penyelia Bersama <i>Co-Supervisor</i>	
Abstrak <i>Abstract</i>	<p>Kerja berpasukan merupakan satu cara yang perlu diamalkan di setiap institusi pada masa kini untuk membantu meningkatkan keupayaan individu dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kajian deskriptif ini bertujuan melihat tahap komitmen kerja berpasukan dalam kalangan pelajar di Politeknik Merlimau Melaka. Terdapat tiga aspek yang dikaji untuk melihat tahap komitmen kerja berpasukan iaitu kerjasama, kepimpinan dan komunikasi. Untuk mencapai matlamat tersebut, seramai 351 pelajar dijadikan sebagai responden kajian. Instrumen kajian yang digunakan merupakan borang soal selidik yang mempunyai 30 item soalan. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah dikaji melalui kajian rintis dan indeks kebolehpercayaannya ialah 0.883, 0.782 dan 0.875.</p>

	<p>Semua item soal selidik memperolehi Indeks kebolehpercayaan melebihi 0.7. Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) 25.0. Dapatan menunjukkan bahawa tahap komitmen kerja berpasukan dari aspek kerjasama dan komunikasi berada pada tahap yang tinggi. Namun, dari aspek kepimpinan dalam kalangan pelajar masih berada di tahap sederhana. Berdasarkan kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan tahap komitmen kerja berpasukan dalam kalangan pelajar di Politeknik Merlimau Melaka.</p>
<p>Keyword <i>Keyword</i> (max 5 word)</p>	<p>komitmen, kerja berpasukan, kerjasama, kepimpinan, komunikasi</p>
<p>Objektif Projek <i>Project Objectives</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalpasti tahap komitmen kerja berpasukan dari aspek kerjasama. 2. Mengenalpasti tahap komitmen kerja berpasukan dari aspek kepimpinan. 3. Mengenalpasti tahap komitmen kerja berpasukan dari aspek komunikasi.
<p>Skop Projek <i>Project scope</i></p>	<p>Skop kajian ini berkaitan dengan komitmen pelajar dalam kerja berpasukan melalui tiga aspek iaitu kerjasama, kepimpinan dan komunikasi</p>

IP No		
Dapatan <i>Finding</i> (500 words max)	<p>Hasil kajian mendapati tahap komitmen kerja berpasukan dari aspek kerjasama dan komunikasi mencatatkan purata min yang tinggi manakala aspek kepimpinan pula mencatatkan purata min sederhana. Ini menunjukkan aspek kepimpinan masih kurang dikuasai oleh para pelajar di Politeknik Merlimau Melaka.</p>	
Cadangan untuk kerja-kerja akan datang <i>Suggestion for future work</i> (500words)	<p>Pelajar Hasil kajian ini dapat memberi input kepada pelajar tentang kriteria atau aspek utama dalam memberi komitmen kerja berpasukan supaya pelajar mempunyai dan menunjukkan sikap komited pada tugasnya. Selain itu, pelajar dapat menguasai serta mengamalkan kemahiran kerjasama, kepimpinan dan komunikasi yang berkesan sepanjang proses perbincangan dilaksanakan. Contohnya, pelajar menyuarakan pendapat atau idea kepada ahli kumpulan bagi mencari jalan penyelesaian tugas.</p> <p>Pensyarah Kajian ini secara tidak langsung dapat membantu pensyarah mendapatkan idea untuk mempelbagaikan kaedah penerapan elemen-elemen kemahiran kerja berpasukan yang bersesuaian untuk pelajar sebagai pendekatan terhadap penguasaan kemahiran kerja berpasukan. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi input yang lebih baik kepada pensyarah dalam menyediakan modul pelajaran kursus untuk membangunkan kemahiran kerja berpasukan dengan lebih teratur dan efisien.</p> <p>Institusi Kajian ini secara langsung membantu memberi gambaran kepada Politeknik Merlimau Melaka mengenai tahap penerapan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Selain itu, kajian ini sedikit sebanyak memberi gambaran kepada Politeknik Merlimau Melaka terutama Pusat Kokurikulum untuk melakukan tindakan yang sewajarnya dalam usaha menerapkan kemahiran kerja berpasukan supaya setiap perancangan mencapai objektif yang telah ditetapkan.</p>	
Gambar berkaitan projek <i>Picture related to project (700kb)</i>		
Rating/Level	JABATAN	

Borang ini perlu diisi oleh pelajar dan dihantar kepada penyelia/ penyelaras projek dalam bentuk hardcopy dan softcopy (borang LAMPIRAN J) dan gambar hasil projek dalam format jpeg/bitmap) bersama laporan akhir dan hasil projek.

